

UPM, KYUTECH kerjasama perkenal inovasi terkini

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



SERDANG, 18 November – Universiti Putra Malaysia (UPM) bekerjasama dengan Kyutech Institute of Technology (Kyutech) telah mengadakan 12th International Symposium on Applied Engineering and Sciences (SAES2024) untuk memperkenalkan trend dan inovasi terkini dalam penyelidikan.

Program SAES 2024 yang diadakan di Kampus Tobata, Kyutech itu bertujuan menyediakan platform kepada penyelidik dan pelajar serta membuka pelbagai peluang untuk meningkatkan rangkaian akademik antarabangsa.

Seramai 300 peserta yang terlibat dari Kyutech, 22 pelajar mobiliti UPM termasuk enam universiti lain membentangkan kertas kerja penyelidikan mereka dalam bidang Sains Biologi dan Hayat, Sains Bioperubatan, Sains Komputer, Kejuruteraan dan Teknologi serta Sains Bahan bagi memupuk rangkaian akademik antarabangsa.

Naib Canselor UPM, Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata persidangan itu turut menyokong pembangunan ekosistem penyelidikan global dengan menghubungkan penyelidik dari pelbagai negara untuk penyelesaian masalah serta meningkatkan daya saing global.

Sementara itu, dalam persidangan itu, UPM dan Kyutech turut memperbaharui jalin kerjasama melalui meterai perjanjian persefahaman (MoU) antara kedua-dua institusi.

"Perjanjian ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan sedia ada tetapi juga membuka pintu untuk kerjasama yang lebih luas dengan salah satu universiti bidang sains dan teknologi terkemuka di Jepun.

"Ia juga mengiktiraf hubungan yang telah terjalin dengan Kyutech dan meluaskan kerjasama dalam bidang baharu selain dapat memperkasakan pengantarabangsaan program akademik khususnya di peringkat siswazah," katanya.

SAES 2024 merupakan kepercayaan bersama dalam membangunkan pelajar berdaya tahan meneroka kejayaan serta mempromosikan pengetahuan pada skala global melalui kerjasama dengan menawarkan Program Double Master dan PhD.

Berita Lain...



Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem




hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

2025

2024

2023

2022

2021

2020

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita
Artikel
Video
Keratan Akhbar
Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings
Nombor Plat UPM
Give to UPM

Tender dan Kontrak
Kementerian Pendidikan Tinggi
UPM AI HUB
Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia